

SULIT

NAMA : TINGKATAN :

**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA
KUALA LUMPUR**

**MODUL TOP 5 KUALA LUMPUR
PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2026
PRINSIP PERAKAUNAN 3756/2
TINGKATAN 5
Kertas 2
2 ½ jam**



JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

- 1 Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian : **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
- 2 Jawab **semua** soalan di **Bahagian A** dan **dua** soalan daripada **Bahagian B**.
- 3 Tulis jawapan anda pada Kertas Helaian Tambahan yang dibekalkan oleh pengawas peperiksaan.
- 4 Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraian soalan ditunjukkan dalam kurungan.
- 5 Sekiranya anda hendak menukar jawapan, batalkan dengan kemas jawapan yang telah dibuat. Kemudian tulis jawapan yang baru.
- 6 Tunjukkan kerja mengira. Ini membantu anda mendapatkan markah.
- 7 Mulakan jawapan bagi setiap soalan pada helaian yang baharu.
- 8 Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogramkan.
- 9 Semua kertas jawapan anda hendaklah diserahkan pada akhir peperiksaan.

Kertas peperiksaan ini mengandungi **12** halaman bercetak.

Bahagian A

(60 markah)

Jawab semua soalan.

- 1 (a) Berikut merupakan Carta Akaun bagi Syarikat Jayas Sdn. Bhd.

Kod item	Akaun
1000 – 1999	Aset
2000 – 2999	Liabiliti
3000 – 3999	Belanja
4000 – 4999	Hasil
5000 - 5999	Ekuiti Pemilik

Cadangkan kod bagi akaun berikut.

(i) Faedah simpanan tetap

(ii) Pelaburan

[2 markah]

- (b) Pada 30 April 2026, Perniagaan Alisha menerima hutang lapuk terpulih daripada Jefri sebanyak RM300. Tunai itu telah dibankkan.

Nyatakan akaun yang didebitkan dan dikreditkan dalam urus niaga tersebut.

[2 markah]

- (c) Maklumat berikut diperoleh daripada Perniagaan Amida.

	Belanjawan (RM)	Sebenar (RM)	Prestasi
Penerimaan	141 750	145 600	Y
Pembayaran	135 500	140 200	
Lebihan / kurangan	X		

Nyatakan X dan Y.

[2 markah]

- (d) Maklumat yang berikut diperoleh daripada Syarikat Jaya Berhad pada 30 Jun 2026.

3 000 000 unit 5% Syer Keutamaan RM2.00 sesyer
4 000 000 unit Syer Biasa RM1.00 sesyer

Tunjukkan bahagian Ekuiti Pemilik dalam Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 Jun 2026.

[2 markah]

- (e) Nyatakan **dua** kos yang terlibat dalam menentukan kos prima.

[2 markah]

- 2 Maklumat berikut diperolehi daripada buku perakaunan Kelab Badminton Juara.

Baki pada 1 Januari 2025:	RM
Bank	33 650
Gelanggang badminton	85 000
Peralatan badminton	56 200
Yuran Belum Terima	1 600
Yuran Belum Terperoleh	840

Penerimaan :

Yuran pendaftaran	1 400
Yuran ahli 2024	1 200
Yuran ahli 2025	38 000
Yuran ahli 2026	2 800
Kutipan yuran penyertaan Kejohanan Piala Bintang	7 200
Sewa loker	2 300
Derma	45 000

Pembayaran :

Belanja penyelenggaraan	3 000
Gelanggang badminton	40 500
Peralatan badminton	12 500
Belanja Kejohanan Piala Bintang	5 950
Belanja am	1 920
Majalah	680
Sumbangan Jogathan SK Aman	550

Maklumat tambahan :

- (i) Yuran Belum Terima pada 31 Disember 2025 adalah RM600.
- (ii) Yuran ahli tahun 2024 yang tidak dapat dikutip dianggap yuran lapuk.
- (iii) Sewa loker RM250 yang diterima termasuk sewa bulan Januari 2026.
- (iv) 90% daripada derma yang diterima adalah untuk pengubahsuaian gelanggang badminton dan bakinya adalah untuk kegunaan pengurusan kelab.
- (v) Peralatan futsal pada 31 Disember 2025 dinilai pada harga RM62 700.
- (vi) Pengurusan kelab melanggan majalah dengan bayaran bulanan RM60.



Anda dikehendaki menyediakan :

- (a) Penyata mengira dana terkumpul pada 1 Januari 2025. [3 *markah*]
- (b) Akaun Yuran Ahli. [6 *markah*]
- (c) Penyata mengira untung dan rugi Kejohanan Piala Bintang. [2 *markah*]
- (d) Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2025. [11 *markah*]
- (e) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2025.
(Tunjukkan bahagian dana terkumpul) [3 *markah*]

- 3 Sepatu Soleh sebuah perniagaan milikan tunggal yang menjalankan perniagaan menjual kasut di Seputeh, Kuala Lumpur. Berikut merupakan Imbangan Duga yang telah diambil daripada buku-buku perniagaannya pada 31 Mac 2026.

Sepatu Soleh Imbangan Duga pada 31 Mac 2026		
	Debit (RM)	Kredit (RM)
Inventori 1 April 2025	45 550	
Perabot (kos)	25 600	
Kenderaan (kos)	88 600	
Premis	68 000	
Modal		107 000
Susut nilai terkumpul perabot		2 000
Susut nilai terkumpul kenderaan		26 580
Belian dan Jualan	71 095	151 049
Insurans	1 080	
Utiliti	3 000	
Pulangan	587	656
Tunai	1 090	
Bank	10 303	
Sewa		3 000
Kos pengangkutan	10 500	
Hutang lapuk terpulih		1 500
Hutang lapuk	1 040	
Gaji	32 400	
Promosi	2 700	
Alat tulis	350	
Faedah atas pinjaman	2 240	
Akaun Belum Terima dan Akaun Belum Bayar	25 000	35 440
Peruntukan hutang ragu		810
Ambilan	2 900	
Pinjaman Bank		64 000
	392 035	392 035

Maklumat tambahan:

- i. Inventori akhir dinilai pada harga pasaran RM32 850 dan harga kos RM39 780.
- ii. Inventori alat tulis pada 31 Mac 2026 ialah RM70.
- iii. Pengagihan kos pengangkutan:

Angkutan masuk	Angkutan keluar
60%	40%

- iv. Perabot bernilai RM5 600 dibeli pada 1 Januari 2026. Susut nilai perabot adalah pada kadar 10% setahun berdasarkan kaedah garis lurus.
- v. Susut nilai kenderaan adalah 15% setahun berdasarkan kaedah baki berkurangan.
- vi. Belanja pembaikan premis RM2 500 tersalah rekod ke dalam Akaun Premis.
- vii. Peruntukan hutang ragu diselaraskan pada kadar 2% atas Akaun Belum Terima.
- viii. Kadar sewa ruang kedai yang dikenakan kepada penyewa ialah RM300 sebulan.
- ix. Perjanjian pinjaman bernilai RM96 000 ditandatangani pada 1 April 2023 dan matang pada 31 Mac 2029 dengan kadar faedah 4% setahun.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Mac 2026. [14 *markah*]
- (b) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Mac 2026. [11 *markah*]

Bahagian B(40 *markah*)*Jawab dua soalan sahaja.*

- 4 Berikut merupakan baki tunai dan bank pada 28 Februari 2026 bagi Teddy Enterprise:

	RM
Tunai	8 200
Bank	50 090

Urus niaga berikut berlaku sepanjang bulan Mac 2026.

Tarikh	Butir	No. cek	Jumlah
2026			RM
Mac 3	Belian	723413	3 800
4	Pembekal Aman	723414	1 900
5	Jualan tunai (dibankkan)		1 720
	Menjelaskan hutang Perniagaan Naomi	723415	1 880
13	Tunai dibankkan		3 570
20	Menerima cek daripada Kedai Hakimi (menjelaskan semua invois RM3 200)	514392	3 040
23	Pembekal Alibaba (menerima diskaun RM500)	723416	4 400
31	Gaji	723417	3 764
	Menerima cek daripada Kedai Rosa	434351	8 580

- (a) Anda dikehendaki menyediakan Buku Tunai (Tiga Lajur) untuk mencatat urus niaga bagi bulan Mac 2026.

[10 *markah*]

Pada 4 April 2026, Perniagaan Teddy menerima Penyata Bank bagi bulan Mac 2026.

Bank Malaya Penyata Bank Kepada : Perniagaan Teddy No. Akaun : 3428000014 Tarikh : 31 Mac 2026						
Tarikh	Butir	No. Cek	Debit	Kredit	Baki	
2026						
Mac 1	Baki b/b				52 100	Kt.
3	Deposit			1 720	53 820	Kt.
5	Cek	723413	3 800		50 020	Kt.
6	Pinjaman – Arahan Tetap		1 700		48 320	Kt.
11	Cek	723415	1 880		46 440	Kt.
13	Deposit			3 570	50 010	Kt.
	Cek	723412	2 010		48 000	Kt.
24	Cek	723416	4 040		43 960	Kt.
25	Buku cek		75		43 885	Kt.
31	Faedah simpanan tetap			200	44 085	Kt.

Maklumat tambahan:

- (i) Cek bernombor 723416 telah tersilap catat dalam Buku Tunai.
- (ii) Cek dibankkan pada 20 Mac telah dipulangkan oleh bank pada 31 Mac 2026 dengan ditanda 'Rujuk Pesuruh Bayar'.

Berdasarkan jawapan di 4(a), **anda dikehendaki:**

- (b) Menyediakan Penyata Penyesuaian Bank pada 31 Mac 2026.
(tanpa mengemas kini buku tunai)

[10 markah]



- 5 (a) Amni dan Irfan ialah pekongsi dalam Perkongsian Kreatif Karya yang menjalankan perniagaan di Cheras, Kuala Lumpur.

Ikatan perkongsian menetapkan perkara berikut:

- (i) Untung atau rugi dibahagikan antara Amni dan Irfan mengikut nisbah modal awal
- (ii) Gaji bulanan Amni RM1 200 dan Irfan RM2 000
- (iii) Faedah atas modal ialah 8% setahun
- (iv) Semua ambilan dikenakan faedah 10% setahun

Maklumat berikut daripada buku perniagaan Perkongsian Kreatif Karya pada 31 Ogos 2026:

Butir	Debit	Kredit
	RM	RM
Modal 1 September 2025:		
Amni		500 000
Irfan		250 000
Akaun Semasa 1 September 2025:		
Amni	78 800	
Irfan		18 000
Ambilan:		
Amni - 1 Disember 2025	10 000	
Irfan - 1 Mac 2026	7 500	
- 1 Jun 2026	6 000	
Pinjaman daripada Amni		30 000
Mesin	69 800	
Premis	600 000	
Bank	80 000	
Untung bersih sebelum pelarasan		120 000
Akaun Belum Terima	79 200	
Akaun Belum Bayar		37 000
Inventori 31 Ogos 2026	23 700	
	955 000	955 000

Maklumat tambahan:

- (i) Hutang lapuk terpulih RM3 600.
- (ii) Belanja membaiki premis belum bayar RM5 244
- (iii) Jualan terlebih rekod RM2 376.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (i) Penyata Untung Bersih Terselaras bagi tahun berakhir 31 Ogos 2026 [4 markah]
- (ii) Akaun Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Ogos 2026 [5 markah]
- (iii) Akaun Semasa pekongsi (beruangan) [7 markah]

5 (b) Berikut merupakan petikan Imbangan Duga Perniagaan Aqli.

Perniagaan Aqli		
Imbangan Duga pada 30 Jun 2026		
	Debit (RM)	Kredit (RM)
Mesin	15 000	
Susut nilai terkumpul mesin(1 Januari 2026)		1 500

Pada 30 Jun 2026, perniagaan menjual mesin pada harga RM10 000 secara tunai.
Mesin disusutnilaikan 10% mengikut kaedah baki berkurangan.

Anda dikehendaki menyediakan **Akaun Pelupusan Mesin**.

[4 markah]

- 6 (a) Pada 1 Julai 2026, baki-baki berikut diperoleh daripada Kedai Buku Aiman.

	RM
Bank	25 700
Inventori	18 850
Premis	90 000
Akaun Belum Terima: Khairul Enterprise	300
Akaun Belum Bayar : Kedai Buku Unik	4 250

Buku Catatan Pertama Kedai Buku Aiman adalah seperti berikut:

Jurnal Jualan

Tarikh	Butiran	Folio	No Dokumen	Jumlah (RM)
2026 Jul 16	Khairul Enterprise			15 350
31	Akaun Jualan			15 350

Jurnal Pulangan Jualan

Tarikh	Butiran	Folio	No Dokumen	Jumlah (RM)
2026 Jul 11	Khairul Enterprise			290
31	Akaun Pulangan Jualan			290

Buku Tunai (petikan ruangan bank sahaja)

Tarikh	Butiran	Bank (RM)	Tarikh	Butiran	Bank (RM)
2026 Jul 1	Baki b/b	25 700	2026 Jul 7	Belian	14 250
5	Jualan	2 620	15	Kedai Buku Unik	2 200
9	Komisen	400		Gaji	
22	Khairul Enterprise	4 800	31		4 000

Anda dikehendaki merekodkan catatan ke dalam akaun-akaun berikut dan imbangkan :

- Akaun Belum Terima : Khairul Enterprise
- Akaun Belum Bayar : Kedai Buku Unik
- Akaun Pulangan Jualan
- Akaun Belian
- Akaun Komisen

[12 markah]



- 6 (b) Maklumat berikut diperoleh daripada buku perniagaan Techno Hub bagi tahun berakhir 31 Mei 2026:

	RM
Jualan (termasuk jualan kredit RM400 000)	800 000
Inventori awal	50 000
Inventori akhir	47 000
Jumlah hasil operasi	3 000
Jumlah belanja operasi	15 000
Untung Bersih	157 000
Bank	90 000
Akaun Belum Terima	62 000
Akaun Belum Bayar	48 000
Tunai	2 000
Pinjaman bank (matang pada 31 Disember 2026)	30 000
Modal awal	480 000

Maklumat tambahan:

	31 Mei 2025
Peratus untung kasar atas kos jualan	35.20%
Pulangan atas modal	30.80%
Nisbah semasa	2.7:1
Tempoh kutipan hutang	135 hari

Anda dikehendaki:

- (i) Menghitung nisbah berikut bagi tahun berakhir 31 Mei 2026 pada 2 titik perpuluhan
- | | |
|---------------------------|------------|
| (a) Pulangan atas modal | [2 markah] |
| (b) Nisbah semasa | [2 markah] |
| (c) Tempoh kutipan hutang | [2 markah] |
- (ii) Berdasarkan jawapan 6(b)(i), tahun yang manakah menunjukkan pengurusan hutang Techno Hub yang lebih cekap? Berikan alasan. [2 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT